



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	31/01/2018

'Tindakan Dr Mahathir bukan luar biasa, tapi aneh'

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib menyifatkan tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad bertemu dengan duta Kesatuan Eropah (EU) dan membawa cerita kononnya sistem pilihan raya negara tidak adil sebagai aneh.

Perdana Menteri sebaliknya berkata, sistem pilihan raya diamalkan Malaysia yang dikenali Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) adalah sistem sama yang mengangkat Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun.

Malah, katanya, sistem itu sudah diperkukuhkan dan ia lebih telus serta bersih berbanding sebelum ini.

"Bagi saya, tindakan Dr Mahathir itu bukan sesuatu yang luar biasa, tetapi aneh sebab ia sistem sama yang mengangkat beliau menjadi perdana menteri selama 22 tahun.

"Kita ada *polling agent* (ejen tempat mengundi), ada *counting agent* (ejen kira undi), ada sistem dakwat (calit di jari), maka peluang untuk menipu boleh di-

katakan tidak ada langsung.

"Macam mana mereka boleh kata pilihan raya kita tidak adil. Soalnya selama 22 tahun Dr Mahathir jadi perdana menteri tetapi beliau tidak mengadu sistem itu.

Sistem sejak dahulu

"Ia sistem yang sama kita amalkan sejak dulu dan ia kini lebih baik dari dahulu yang menentukan kelangsungan pemerintahan negara, serta membawa kita dalam kemakmuran," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Menara Dato Onn di sini, semalam.

Najib yang juga Presiden UMNO berkata, apa yang dilakukan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu sebagai tindakan tersepit dalam merebut peluang mentadbir negara sehingga terpaksa mengadu dengan kuasa asing.

"Apa pun keputusan mereka, hanya hendak menimbulkan kontroversi dan mempermain-

kan sistem pilihan raya yang angkat Dr Mahathir sebagai perdana menteri selama 22 tahun," katanya.

Sementara itu, Najib berkata PPBM tidak mampu menggantikan UMNO untuk menerajui negara kerana pengurusan dalaman bercelaru apabila gagal mematuhi perlembagaan parti itu sendiri.

"Saya diberitahu bahawa pada peringkat cawangan dan bahagian (PPBM), mereka tidak mengadakan mesyuarat. Alih-alih peringkat nasional ada per-

himpunan yang kita tidak tahu dari mana perwakilan itu datang.

"Maknanya pengurusan parti sendiri pun boleh dipersoalkan dari segi perlembagaan yang mereka sendiri tentukan, diluluskan mereka sendiri.

"Apakah ini petanda kemampuan mereka untuk menjalankan tanggungjawab lebih besar," katanya.

BH - 31/1/2018 B.13



Keratan akhbar
BH Isnin lalu.